

# LHDN perluas khidmat bayaran dalam talian

**L**EMBAGA Hasil Dalam Negeri (LHDN) sedang berusaha untuk menambah jumlah bank yang menawarkan perkhidmatan pembayaran cukai secara dalam talian daripada tujuh yang menawarkan perkhidmatan itu ketika ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Hasmah Abdullah (kanan), berkata usaha itu bagi menggalakkan lebih banyak organisasi atau syarikat menggunakan perkhidmatan perbankan internet untuk membayar cukai.

Selain memudahkan, katanya, transaksi perbankan internet juga boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana.

Beliau berkata, sejak LHDN memperkenalkan perkhidmatan berkenaan menerusi kerjasama dengan bank, banyak organisasi atau syarikat kini dilihat lebih cenderung menggunakan kaedah itu bagi menyelesaikan pembayaran cukai mereka

Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Jun 2009 saja, sejumlah 1.5 juta transaksi telah dilakukan menerusi kaedah ini membabitkan kutipan cukai berjumlah RM6.7 bilion," katanya se-

lepas pelancaran perkhidmatan baru kerjasama pembayaran gaji secara dalam talian antara Kumpulan EON Bank dengan LHDN dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP) di Kuala Lumpur, semalam.

Tujuh bank yang kini menawarkan perkhidmatan pembayaran cukai secara dalam talian ialah RHB Bank Bhd, CIMB Bank Bhd, Malayan Banking Bhd, Hong Leong Bank Bhd, Public Bank Bhd, Citibank Bhd dan Bank Islam Malaysia Bhd.

Dalam pada itu, Hasmah berkata, LHDN menjangkakan jumlah kutipan cukai pada tahun ini akan berkurangan berbanding tahun lalu, berikutan keawatanan ekonomi semasa.



Sumber : Berita Harian  
Tarikh : 16 Julai 2009  
Mukasurat : 22